

Aplikasi Keluli Tahan Karat Sebagai Elektrod Logam di dalam Sistem Bioelektrokimia

(Stainless Steel Application as Metal Electrode in Bioelectrochemical System)

Raba'atun Adawiyah Shamsuddin^a, Mimi Hani Abu Bakar^{a*}, Rozan Mohamad Yunus^a, Wan Ramli Wan Daud^b,
Jamaliah Md. Jahim^b, Wan Syaiful Aqma^c

^aFuel Cell Institute

^bResearch Center for Sustainable Process Technology (CESPRO), Faculty of Engineering & Built Environment

^cFaculty of Science and Technology

Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

ABSTRACT

This paper reviews on the latest use and performance of several types of metals as electrodes within the development of bioelectrochemical systems (BES) including microbial fuel cells (MFC) and microbial electrolysis cells (MEC). The conventional carbon-based electrodes are typically used as an anode or cathode since the structure of the material is porous and are most suitable for the growth of electrochemically active bacteria (EAB). However, there are new developments that show the use of metal electrodes capable of producing higher current density and maximum power than carbon, due to the properties of metals such as high conductivity and mechanical strength, anti-corrosion as well as chemical structure stability. The surface modification strategy of metal promotes the EAB attachment and increases the biocompatibility or electron transfer between bacterial cell and electrode. Besides, cost-effective and easy to operate for the long-term is a contributing factor to the use of metal electrodes. To date, stainless steel becomes a common metal used in the development of BES.

Keywords: Bioelectrochemical system; Electrode; Metal; Stainless steel; Carbon

ABSTRAK

Kertas kerja ini meninjau akan penggunaan dan prestasi terkini beberapa jenis logam sebagai elektrod dalam pembangunan sistem bioelektrokimia (BES) termasuk sel bahan api mikrob (MFC) dan sel elektrolisis mikrob (MEC). Elektrod konvensional yang berasaskan karbon biasanya digunakan sebagai anod atau katod disebabkan struktur bahan berliang dan paling sesuai untuk pertumbuhan bakteria aktif elektrokimia (EAB). Walau bagaimanapun, perkembangan baru menunjukkan penggunaan elektrod logam mampu menghasilkan ketumpatan arus yang lebih tinggi dan kuasa maksimum daripada karbon, kerana sifat-sifat logam seperti kekonduksian yang tinggi dan kekuatan mekanikal, anti-karat serta kestabilan struktur kimia. Strategi pengubahsuaian permukaan logam menggalakkan perlekatan EAB serta meningkatkan tahap biokompatibiliti atau pemindahan elektron di antara sel bakteria dan elektrod. Di samping itu, kos efektif serta mudah beroperasi untuk jangka masa panjang merupakan faktor penyumbang kepada penggunaan elektrod logam. Dari kajian yang dijalankan sehingga kini, keluli tahan karat merupakan logam yang sering digunakan dalam pembangunan BES.

Kata kunci: Sistem bioelektrokimia; Elektrod; Logam; Keluli tahan karat; Karbon

PENGENALAN

Sistem bioelektrokimia (BES) menggunakan mikroorganisma sebagai pemangkin untuk pelbagai tindak balas biologi dan elektrokimia. Teknologi BES merupakan satu alternatif kepada rawatan sisa kumbahan yang turut menghasilkan tenaga mampan termasuk elektrik, hidrogen (H₂) dan lain-lain bahan kimia yang berguna (Logan 2010; Pandit et al. 2017; Rahimnejad et al. 2015). Berbanding dengan sel bahan api konvensional, BES beroperasi pada suhu bilik serta menggunakan air kumbahan dan biomas sebagai substrat terdiri dari pelbagai bahan organik atau bukan organik. Terdapat beberapa jenis BES di mana ianya boleh diklasifikasikan sebagai sel bahan api mikrob (MFC), sel

elektrolisis mikrob (MEC), sel penyahgaraman mikrob (MDC) dan sel solar mikrob (MSC), bergantung kepada konfigurasi serta aplikasi sistem tersebut (Logan et al. 2006; Logan et al. 2015; Pandit et al. 2017). Sistem MFC mengoksidakan bahan organik dan tidak organik bagi menghasilkan tenaga elektrik (Logan et al. 2006; Logan & Regan 2006). Sistem MEC pula menukar bahan organik menjadi tenaga H₂ atau pelbagai bahan kimia seperti metana (CH₄), asetat, hidrogen peroksida (H₂O₂), etanol, dan asid formik (Croese et al. 2011; Jeremiassé et al. 2010; Kadier et al. 2016), manakala MDC menggunakan potensi tenaga elektrik yang dihasilkan untuk mencapai penyahgaraman air (Santoro et al. 2017). Berbanding dengan MFC, MSC menggunakan bakteria fotoautotropik yang diperkayakan (*enriched*) sebagai bakteria

aktif elektrokimia (EAB) untuk penuaian tenaga solar bagi menghasilkan arus elektrik (Strik et al. 2011; Strycharz-Glaven et al. 2013).

Secara amnya, BES terdiri daripada beberapa komponen asas iaitu bahagian anod, katod serta membran terpilih sebagai pemisah antara dua bahagian tersebut. Mikroorganisma EAB atau juga dikenali dengan nama lainnya seperti bakteria elektrogen, bakteria eksoelektrogenik atau bakteria anod berperanan mengoksidakan bahan organik untuk menghasilkan karbon dioksida, proton dan elektron di bahagian anod (Logan 2009; Logan et al. 2006; Wang & Ren 2013). Seterusnya, elektron yang dihasilkan dipindahkan ke anod sementara proton yang dibebaskan menuju ke bahagian katod melalui membran (Logan et al. 2006; Santoro et al. 2017). EAB boleh diperolehi daripada pelbagai sumber semulajadi seperti sisa air kumbahan, sisa tanaman, lumpur, efluen minyak kelapa sawit dan sebagainya (Jong et al. 2011; Logan 2009; Zhang et al. 2015). Majoriti para penyelidik masa kini memberi fokus kepada aplikasi MFC dan MEC (Chouler et al. 2018; Daud et al. 2015; Jafary et al. 2018; Mohanakrishna et al. 2018; Stoll et al. 2018).

Di dalam MFC, elektron di anod seterusnya dipindahkan ke katod melalui litar elektrik dan kemudiannya bergabung dengan proton dan oksigen di udara untuk membentuk air. Secara keseluruhannya, tindak balas yang berlaku di dalam MFC dapat ditunjukkan di dalam rajah 1 manakala tindak balas kimia di anod dan katod adalah seperti di dalam persamaan (1) dan (2) di bawah:

Tindak balas di anod:




Tindak balas di katod:



Sistem BES yang lain misalnya MEC, merupakan hasil pembangunan MFC yang diubahsuai. Secara amnya, reaksi yang berlaku di dalam MEC adalah hampir sama dengan MFC. Tanpa kehadiran oksigen dalam MEC, elektron yang dibebaskan oleh EAB daripada tindak balas pengoksidan bahan organik di anod diangkut ke katod, seterusnya bergabung dengan proton untuk menghasilkan H₂. Walau bagaimanapun, tindak balas ini tidak berlaku secara spontan disebabkan faktor termodinamik. Sejumlah kecil tenaga luaran adalah diperlukan untuk memacu tindak balas tersebut (Kadier et al. 2016; Logan 2010).

Secara praktikal, tenaga luaran sebanyak 0.2 hingga 1.0 V biasanya digunakan untuk mengatasi kekurangan tenaga disebabkan faktor penggunaan elektrod berpotensi tinggi serta bahan-bahan yang meningkatkan ketahanan atau rintangan dalaman seperti membran (Jeremiasse et al. 2010; Logan 2010; Rozendal et al. 2008).


Penggunaan tenaga tersebut apabila dijumlahkan dengan tenaga yang dihasilkan oleh bakteria di dalam MEC adalah kira-kira 1.3 V. Keseluruhan tenaga luaran tambahan ini adalah hampir dengan tenaga luaran yang diperlukan untuk tindak balas elektrolisis air, iaitu kira-kira 1.4 V. Oleh itu,



RAJAH 1. Skematik mudah MFC. EAB di permukaan anod mengoksidakan bahan organik untuk menghasilkan CO₂, H⁺ dan e⁻ (1). Elektron kemudiannya dipindahkan ke katod melalui litar elektrik (2), dan seterusnya bergabung dengan proton dan oksigen untuk membentuk air (3)

proses MEC turut dikenali sebagai elektrolisis bahan organik berbanding elektrolisis air (Kadier et al. 2016; Logan 2010). Tindak balas kimia yang berlaku di anod dan katod ditunjukkan di dalam persamaan (3) dan (4) di bawah:

Tindak balas di anod:



Tindak balas di katod:




Di dalam sistem MEC, katod adalah salah satu bahagian terpenting di mana H₂ serta sebatian kimia yang berbeza dihasilkan (Babauta et al. 2012; Karmakar et al. 2011; Kundu et al. 2013; Zhou et al. 2013). Platinum (Pt) adalah pemangkin kegemaran yang digunakan di katod dan telah diaplikasikan dalam kebanyakan kajian kerana keupayaannya yang tinggi untuk memangkin penghasilan H₂ (Foley et al. 2010; Jeremiasse et al. 2010; Kundu et al. 2013; Rozendal et al. 2008). Walau bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam penggunaan Pt, seperti kos yang tinggi dan impak negatif terhadap alam sekitar (Jeremiasse et al. 2010; Kundu et al. 2013; Logan 2010; Rozendal et al. 2008). Hal ini kerana Pt boleh menjadi toksik disebabkan oleh bahan kimia seperti sulfida yang banyak terdapat di dalam air kumbahan (Logan 2010; Rozendal et al. 2008).

Pada dasarnya, prestasi sesebuah MFC mahupun MEC boleh terjejas disebabkan beberapa faktor termasuk inokulum mikrob, pemisah dan elektrod. Walau bagaimanapun, kebanyakan penyelidikan dalam bidang ini memberi tumpuan ke atas bahan elektrod kerana ia secara langsung mempengaruhi prestasi serta potensi pembangunan BES secara komersial. Dalam kertas kerja ini, elektrod dari pelbagai jenis bahan dibincang dan dibandingkan dari segi sifat, ciri-ciri semulajadi serta prestasi yang ditunjukkan dalam aplikasi anod atau katod.

INTERAKSI ANTARA ELEKTROD DAN MIKROORGANISMA

EAB dan elektrod merupakan komponen utama yang mempengaruhi prestasi serta pembangunan BES. Mikroorganisma ini mampu menggunakan laluan metabolik yang berbeza untuk penjanaan kuasa dan tenaga. EAB yang melekat pada permukaan elektrod, turut disebut sebagai 'biofilm' memainkan peranan penting dalam penghasilan tenaga elektik atau H_2 . Biofilm merupakan jisim agregat kompleks komuniti mikrob yang dibentuk oleh pertumbuhan bakteria yang melekat sendiri pada substrat pepejal, dikenali sebagai bahan-bahan polimer ekstraselular (EPS) (Babauta et al. 2012; Hartshorne et al. 2007; Philips et al. 2016). Biofilm memainkan peranan penting dalam proses elektrokimia yang melibatkan tindak balas anodik (pengionan atau pengoksidaan) pada permukaan logam. Dengan mengubah sifat elektrod tersebut, konduktiviti, pemindahan elektron dan perlekatan biofilm boleh dipertingkatkan (Kumar et al. 2013; Sarathi & Nahm, 2013; Wei et al. 2011; Xiao et al. 2012).

Mekanisma pengangkutan elektron atau pemindahan elektron ekstraselular (EET) oleh EAB dapat diklasifikasikan kepada dua jenis iaitu secara langsung (*direct electron transfer* atau DET) dan melalui perantara atau mediator (*mediated electron transfer* atau MET) (Kracke et al. 2015; Oliveira-Brett 2017; Rosenbaum et al. 2011; Song et al. 2015), sebagaimana yang ditunjukkan di dalam Rajah 2. DET membenarkan elektron dari proses metabolisma bakteria dipindahkan secara langsung ke anod atau dari katod ke sel bakteria. Untuk itu, hubungan fizikal yang rapat antara sel bakteria dan elektrod adalah perlu bagi memudahkan pengangkutan elektron ke elektrod melalui membran *cytochromes*, enzim dan pili atau nanowayer konduktif.



RAJAH 2. Mekanisma pemindahan elektron ekstraselular (EET). Elektron dari permukaan elektrod mengalir secara langsung (DET) atau melalui mediator (MET) ke sel bakteria

Beberapa jenis EAB seperti *Geobacter sulfurreducens* dan *Shewanella oneidensis* MR-1 menggunakan mekanisma DET untuk berkomunikasi secara elektrokimia dengan anod. Seterusnya, mekanisma pemindahan elektron secara tidak langsung melibatkan perantara atau mediator seperti riboflavin (Kato 2016; Philips et al. 2016; Silva et al. 2012).

Mediator sama ada terdiri daripada molekul organik atau bukan organik seperti H_2 dan sulfur berfungsi mengangkut elektron di antara sel bakteria dengan elektrod. Ianya boleh dihasilkan sendiri oleh mikroorganisma atau disuntik untuk merangsang pemindahan elektron. Sebagai contoh, mediator seperti *derivative phenazine* yang dihasilkan oleh bakteria *Pseudomonas aeruginosa* dan flavin oleh *Shewanella* masing-masing terlibat dalam MET (Hartshorne et al. 2007; Philips et al. 2016). Mikroorganisma dengan mediator yang tersendiri berupaya mengangkut elektron dari sel ke permukaan elektrod meskipun pada jarak yang jauh (Kracke et al. 2015; Oliveira-Brett 2017).

CIRI BAHAN ELEKTROD

Dalam usaha meningkatkan prestasi serta pembangunan BES secara meluas, kos bahan mestilah dikurangkan dan penghasilan kuasa harus dimaksimumkan. Di samping itu, bahan katod hendaklah juga memiliki sifat pemangkin untuk penurunan oksigen. Walaupun ciri atau kriteria dalam pemilihan bahan yang diaplikasikan sebagai anod atau katod adalah berbeza, secara amnya elektrod harus mempunyai ciri-ciri seperti:

LUAS PERMUKAAN DAN BERLIANG

Penghasilan arus dan tenaga di dalam MFC atau MEC sangat dipengaruhi oleh luas permukaan elektrod. Di dalam aplikasi BES, kehilangan ohmik adalah berkadar langsung dengan rintangan elektrod. Justeru, salah satu kaedah untuk mengurangkan rintangan tersebut adalah dengan meningkatkan kawasan atau luas permukaan elektrod (Logan, Hamelers, Rozendal, Schröder, et al. 2006; Mustakeem 2015; Sonawane et al. 2017). Selain itu, luas permukaan yang tinggi menyediakan lebih banyak kawasan bagi tapak perlekatan bakteria sekaligus meningkatkan biokompatibiliti dan penghasilan elektron. Walau bagaimanapun, permukaan elektrod yang berliang juga boleh menyebabkan pengumpulan terlalu banyak mikroorganisma justeru mengurangkan pengaliran arus dan penghasilan kuasa maksimum (Call et al. 2009; Kalathil et al. 2017; Kumar et al. 2013).

KONDUKTIVITI

Secara amnya, di dalam aplikasi MFC atau MEC, elektron yang dibebaskan dari tindak balas pengoksidaan bahan organik oleh mikroorganisma akan melalui anod seterusnya menuju ke katod menerusi litar elektrik. Bahan anod atau katod yang mempunyai sifat konduktiviti yang tinggi akan lebih

memudahkan aliran elektron dengan rintangan yang lebih rendah (Baudler et al. 2015; Kalathil et al. 2017; Yamashita et al. 2016).

KESTABILAN DAN KETAHANAN

Pengoksidaan serta penurunan bahan organik dalam persekitaran MFC atau MEC boleh menjejaskan kestabilan kedua-dua sistem tersebut. Oleh itu, bahan elektrod yang digunakan harus bersifat tahan lama serta stabil sama ada dalam keadaan berasid atau beralkali (Kalathil et al. 2017; Peng et al. 2016; Rodenas Motos et al. 2015; Sonawane et al. 2017).

KOS EFEKTIF DAN MUDAH DIDAPATI

Penggunaan bahan elektrod sangat mempengaruhi kos pembangunan BES. Beberapa jenis bahan sama ada terdiri daripada karbon mahupun logam adalah sangat mahal dan sukar diperolehi. Logam seperti Pt melibatkan kos yang tinggi serta tidak tahan lama (Kalathil et al. 2017; Selemba et al. 2009; Wang et al. 2011). Selain itu, penggunaan bahan dengan kos yang tinggi boleh menghadkan aplikasi MFC atau MEC untuk tujuan komersial.

LOGAM SEBAGAI ELEKTROD

Pemilihan elektrod yang sesuai adalah merupakan cabaran utama bagi penyelidik dalam usaha membangunkan reka bentuk BES yang kos efektif dan berskala besar (Zhang et al. 2011; Zhang et al. 2010). Bahan anod atau katod yang sering digunakan bagi membolehkan bakteria melekat pada permukaan serta membenarkan pengaliran elektron melaluinya adalah dari beberapa jenis bahan berasaskan karbon atau logam.


Bahan elektrod yang dipilih memainkan peranan penting dalam prestasi MFC mahupun MEC. Dalam beberapa dekad yang lalu, banyak bahan berbeza telah diteroka sebagai anod untuk MFC. Walaupun kebanyakan penyelidik terdahulu menumpukan kepada penggunaan bahan karbon seperti rod grafit, berus grafit, granul grafit, kain karbon, rod karbon dan kertas karbon, kajian mendapati bahawa jenis bahan elektrod tersebut mempunyai beberapa batasan atau kekurangan seperti luas permukaan yang rendah, rintangan dalaman yang tinggi serta agak sukar untuk diaplikasikan dalam skala besar (Baudler et al. 2015; Mustakeem 2015; Wei et al. 2011). Misalnya, penggunaan rod karbon dikatakan tidak sesuai digunakan sebagai anod kerana luas permukaan yang rendah (Santoro, Arbizzani, et al. 2017). Peningkatan prestasi ke atas elektrod karbon melalui kaedah pengubahsuaian pula malangnya melibatkan kos yang tinggi (Kumar et al. 2013; Sonawane et al. 2017). Bahan berasaskan logam amat jarang digunakan pada masa itu kerana penghasilan arus serta tenaga elektrik yang rendah. Perkara ini disebabkan beberapa faktor seperti biokompatibiliti yang rendah berbanding elektrod karbon justeru menghadkan aktiviti katalitik bakteria dan mekanisma pengangkutan elektron. Bagi mengatasi masalah tersebut, penyelidikan ke atas elektrod logam dijalankan dengan lebih mendalam termasuk pengubahsuaian permukaan. Strategi pengoksidaan lapisan logam atau rawatan haba telah berjaya meningkatkan arus dan tenaga maksimum ke atas elektrod logam (Guo et al. 2015; Liu et al. 2017; Peng et al. 2016). Malah, kaedah ini melibatkan kos yang lebih rendah berbanding penggunaan partikel grafin, komposit dan tiga dimensi (3D) ke atas elektrod karbon. Di samping pengubahsuaian permukaan, kekonduksian arus elektrik dan kekuatan mekanikal yang tinggi merupakan ciri-ciri elektrod logam yang menyumbang kepada peningkatan prestasi BES. Jadual 1 di atas menunjukkan beberapa ciri perbandingan di antara elektrod karbon dan logam.

JADUAL 1. Perbandingan di antara elektrod karbon dan elektrod logam

Ciri perbandingan	Karbon	Logam	Rujukan
Konduktiviti	Rendah	Tinggi	(Kalathil et al. 2017; Sawant et al. 2017; Wei et al. 2011)
Kekuatan mekanikal	Rendah	Tinggi	(Baudler et al. 2015; Kalathil et al. 2017; Wei et al. 2011)
Biokompatibiliti	Tinggi	Rendah	(Guo et al. 2014; Mustakeem 2015; Zhang et al. 2011)
Toksisiti	Tidak toksik terhadap bakteria	Sesetengah logam bersifat toksik terhadap bakteria	(Baudler et al. 2015; Zhu & Logan 2014)
Kemampuan perlekatan bakteria pada permukaan	Memudahkan perlekatan EAB disebabkan kebanyakan permukaan elektrod adalah berliang	Menyukarkan perlekatan EAB disebabkan kebanyakan permukaan elektrod adalah licin	(Kalathil et al. 2017; Wei et al. 2011)
Rintangan dalaman	Tinggi	Rendah	(Kalathil et al. 2017; Wei et al. 2011)
Sensitiviti	Kesesuaian terhadap nilai pH katodik yang tinggi	Sensitif terhadap nilai pH katodik yang tinggi	(Sawant et al. 2017)
Aplikasi	Sukar untuk diaplikasikan dalam skala besar	Mudah diaplikasikan dalam skala besar	(Kalathil et al. 2017; Wei et al. 2011)
Kemampuan untuk dibentuk	Sukar dibentuk	Mudah dibentuk	(Kalathil et al. 2017; Sawant et al. 2017)

Seperti yang telah dibincangkan, bahan logam lebih konduktif berbanding karbon. Walau bagaimanapun, faktor mudah berlakunya pengkaratan ke atas logam merupakan cabaran yang perlu diatasi oleh para penyelidik dalam mempertingkatkan prestasi BES. Kajian yang dijalankan sehingga kini menunjukkan aplikasi logam di dalam MFC mahupun MEC kebanyakannya menggunakan keluli tahan karat sebagai elektrod (Fontmorin et al. 2018; Gomez et al. 1997; Guo et al. 2014; Guo et al. 2015; Sudesh et al. 2006; Zhang et al. 2010; Zhang et al. 2012). Logam ini dikatakan

tidak mudah berkarat malah berupaya menunjukkan prestasi serta penghasilan tenaga yang lebih baik berbanding karbon atau lain-lain logam (Ketep et al. 2014; Peng et al. 2016; Yamashita et al. 2016). Rajah 3 menunjukkan pelbagai jenis logam yang digunakan sebagai anod atau katod di dalam pembangunan BES. Antaranya ialah emas, keluli tahan karat, titanium, nikel dan tembaga, di mana setiap satu memiliki kelebihan dan ciri-ciri yang tertentu serta keutamaan dalam aplikasi BES.



RAJAH 3. Logam elektrod (a) Plat keluli tahan karat (b) Jaringan keluli tahan karat (c) Jaringan titanium (d) Plat keluli karbon (e) Aluminium (f) Perak (g) Nikel (h) Emas (i) Tembaga (j) Besi
Rujukan: (Baudler et al. 2015)

PERBANDINGAN PRESTASI BAHAN LOGAM SEBAGAI ELEKTROD DI DALAM BES

Berdasarkan kajian yang dibuat sehingga kini, pelbagai jenis logam telah diaplikasikan sebagai elektrod di dalam sistem BES. Misalnya, emas (Au) sering digunakan sebagai anod di dalam penyelidikan MFC disebabkan logam tersebut bersifat tahan karat serta memiliki kekuatan mekanikal (Baudler et al. 2015; Sadeghifar & Rashid-Nadimi 2018; Vereia et al. 2016) dan konduktiviti yang tinggi (Muda et al. 1997). Selain itu, Au juga mempunyai rintangan terhadap aktiviti bakteria. Baru-baru ini, kajian perbandingan prestasi telah dibuat oleh Sadeghifar dan Rashid-Nadimi (2018) di antara Au nanoporos dan karbon yang dirawat dengan asid serta haba. Keputusan yang diperolehi menunjukkan Au berupaya memberi ketumpatan arus dan kuasa maksimum yang lebih tinggi iaitu masing-masing pada 0.016 A/m^2 dan 4.71 mW/m^2

berbanding karbon (0.00958 A/m^2 dan 3.55 mW/m^2) yang telah diubah suai permukaannya. Hal ini adalah kerana struktur serta sifat elektrokimia logam Au yang bertindak lebih berkesan sebagai anod dalam MFC (Sadeghifar & Rashid-Nadimi 2018). Malah, merujuk kepada hasil uji kaji yang lain, planar Au menunjukkan prestasi terbaik anod dengan ketumpatan kuasa maksimum sebanyak 8000 mW/m^2 (Sonawane et al. 2017). Hasil kajian oleh Ren et al. (2015), anod Au yang digunakan dalam MFC katod udara (Ren et al. 2015) adalah lebih baik (480.0 mW/m^2) berbanding karbon dan kain karbon lapisan mikroporos yang telah diubahsuai permukaan iaitu masing-masing adalah 419.0 mW/m^2 dan 50.6 mW/m^2 (Sonawane et al. 2017).

Seterusnya, di dalam penyelidikan MFC mahupun MEC, kebanyakan elektrod karbon diaplikasikan bersama Pt. Pt tergolong dalam kumpulan logam peralihan pada Jadual Berkala Unsur serta memiliki sifat atau ciri yang sama

dengan Au. Pt merupakan pemangkin katod yang paling biasa digunakan kerana memiliki kecekapan yang tinggi ke arah pengurangan oksigen (Gajda et al. 2018; Santoro et al. 2018). Malah, elektrod karbon tanpa Pt sebagai pemangkin telah diuji sebagai katod di dalam MFC. Hasil kajian tersebut menunjukkan kuasa maksimum yang diperolehi masih tidak dapat dibandingkan dengan katod yang disaluti dengan Pt (Verea et al. 2016). Walaupun Au dan Pt memiliki sifat logam yang berupaya meningkatkan prestasi BES, namun disebabkan kos yang tinggi menghalang aplikasi berskala besar dan tujuan pengkomersialan. Penggunaan Pt boleh memberi kesan negatif dan toksik kepada bakteria (Mustakeem 2015; Santoro et al. 2018; Wang et al. 2011).

Selain logam di atas, penggunaan keluli tahan karat (ss) sebagai anod mahupun katod di dalam MFC atau MEC semakin menarik minat para penyelidik di seluruh dunia. ss seringkali digunakan di dalam pelbagai aplikasi industri termasuk pemasangan sistem perpaipan, perumahan dan hospitaliti (Gómez et al. 1997; Sudesh et al. 2006). ss adalah alternatif bahan berasaskan logam yang sangat baik bagi menggantikan karbon kerana sifat mekanikal dan konduktiviti yang tinggi, rintangan terhadap kakisan atau tidak mudah berkarat serta memiliki kestabilan komposisi bahan kimia untuk aplikasi jangka panjang. Malah, sesetengah kajian BES mendapati prestasi ss adalah lebih baik atau setanding anod berasaskan karbon serta mampu menghasilkan ketumpatan arus maksimum yang tinggi. Misalnya, perbandingan bahan anod MFC yang dijalankan oleh Pocaznoi et al. (2012) di antara ss dengan karbon dan grafit. Hasil kajian mereka mendapati ss mampu menghasilkan ketumpatan arus maksimum sehingga 35.0 A/m^2 sementara karbon dan grafit, masing-masing adalah 33.7 A/m^2 dan 9.5 A/m^2 . Pembentukan biofilm juga kelihatan agak menyeluruh pada permukaan ss menerusi analisis morfologi pengimbas mikroskop elektron (SEM) (Pocaznoi et al. 2012). Strategi pengubahsuaian permukaan yang diperkenalkan pada tahun 2015 menjadikan elektrod logam lebih kerap digunakan kerana keupayaannya menghasilkan arus dan kuasa yang lebih tinggi (Ledezma et al. 2015; Sonawane et al. 2017). Misalnya, Ledezma et al. (2015) telah menguji prestasi ss di dalam MFC apabila ianya dikenakan rawatan haba pada suhu 600°C . Ternyata keputusan uji kaji mereka menunjukkan logam anod teroksida tersebut lebih berkesan dan mampu meningkatkan ketumpatan arus berbanding permukaan keluli yang tidak diubahsuai atau dikenakan haba ke atasnya (Ledezma et al. 2015). Ketumpatan arus maksimum sehingga 19.1 A/m^2 diperolehi oleh ss teroksida manakala sebanyak 0.025 A/m^2 didapati dari keluli yang tidak dirawat haba ke atasnya (Peng et al. 2016). Sementara itu, kajian yang dijalankan oleh Yamashita et al. (2016) mendapati ss teroksida menunjukkan ketumpatan kuasa maksimum sebanyak 1063 mW/m^2 , masing-masing adalah 184% dan 24% lebih tinggi berbanding ss dan karbon anod yang tidak dirawat (Yamashita et al. 2016). Keputusan yang sama diperolehi oleh Guo et al. (2014) dengan menggunakan kaedah pengoksidaan api ke atas ss. Justeru, mereka memberi

kesimpulan bahawa sifat-sifat ss termasuk mempunyai kestabilan komposisi bahan kimia, luas permukaan yang tinggi serta penggunaan kaedah pengoksidaan api, mampu memberi prestasi yang tinggi dalam membangunkan BES pada skala besar (Guo et al. 2014).

Titanium (Ti) juga merupakan logam yang digunakan sebagai elektrod dan industri elektrolisis. Ti memiliki sifat anti-karat serta konduktiviti yang tinggi (Feng et al. 2016). Berdasarkan Michaelidou et al. (2011), Ti mempunyai kestabilan komposisi bahan kimia justeru tidak mudah mengalami kemerosotan. Hal ini boleh menjadi kelebihan ke atas Ti sebagai elektrod dalam aplikasi BES untuk jangka panjang. Walau bagaimanapun, penggunaan logam tersebut sebagai anod kurang mendapat perhatian para penyelidik sebelum ini kerana biokompatibiliti yang rendah sekaligus menjejaskan prestasi dalam MFC. Kajian pengubahsuaian permukaan elektrod didapati telah berjaya meningkatkan kadar arus dan kuasa maksimum ke atas Ti. Kaedah *in situ* nanotubes titanium dioksida (TNS) menjadikan permukaan Ti lebih kasar, hidrofilik serta konduktiviti untuk pembentukan biofilm (Feng et al. 2016). Ketumpatan arus maksimum yang dicapai pada anod TNs ini ialah 12.7 A/m^2 , iaitu 190 kali lebih tinggi berbanding Ti yang tidak diubah suai (Feng et al. 2016). Selain itu, hasil kajian yang dijalankan oleh Zhou et al. (2016), Ti mengandungi lebih banyak atom oksigen setelah dikenakan rawatan haba sekaligus mampu mencapai ketumpatan kuasa maksimum yang lebih tinggi apabila dijadikan anod MFC. Melalui analisis SEM dan sinar-X difraksi (XRD), permukaan titanium teroksida mempamerkan aktiviti elektrokatalitik serta biokompatibiliti yang lebih baik untuk pemindahan elektron antara bakteria dan anod (Zhou et al. 2016). Walau bagaimanapun, penggunaan Ti masih belum meluas sebagai anod atau katod berbanding ss dalam kajian BES.

Selain itu, pembangunan BES menunjukkan keupayaan logam nikel (Ni) sebagai elektrod memberikan prestasi yang tinggi dan stabil dalam jangka panjang (Baudler et al. 2015; Michaelidou et al. 2011; Satar et al. 2017; Zhou et al. 2016). Kajian yang dibuat oleh Baudler et al. (2015), memperlihatkan ketumpatan arus maksimum sebanyak 3.84 A/m^2 apabila Ni digunakan sebagai anod dalam MFC (Baudler et al. 2015). Walau bagaimanapun, kajian tersebut memberikan ketumpatan arus maksimum lebih tinggi ke atas anod ss (6.74 A/m^2) berbanding Ni. Penyelidikan ke atas pembangunan tiga dimensi (3D) nikel-oksida grafin sebagai anod dalam MFC, memberikan ketumpatan kuasa maksimum lebih tinggi berbanding elektrod karbon yang lain iaitu kertas karbon dan kain karbon di bawah kondisi sistem yang sama (Wang et al. 2013). Keputusan membuktikan bahawa penggunaan Ni sebagai elektrod berupaya memberi prestasi yang lebih baik di dalam penghasilan arus tenaga. Walau bagaimanapun, disebabkan faktor harga yang agak mahal serta rintangan ohmik yang tinggi, menjadikan Ni kurang sesuai digunakan untuk aplikasi BES (Kadier et al. 2016; Lu et al. 2016). Malah, hasil beberapa kajian menjelaskan ion Ni yang dilepaskan daripada elektrod boleh menjadi racun

JADUAL 2. Perbandingan prestasi beberapa jenis logam sebagai anod di dalam MFC

Anod	Inokulasi bakteria	Ketumpatan arus maksimum (A/m ²)	Ketumpatan kuasa maksimum (mW/m ²)	Rujukan
Aluminium	Sedimen lumpur	0.36	266.0	(Haque et al. 2015)
Besi	Sedimen lumpur	0.89	646.0	(Haque et al. 2015)
Emas	Enap cemar pencernaan bukan aerobik	1.11	480.0	(Ren et al. 2015)
Emas	Influen klarifier	0.12	8000.0	(Fraiwan et al. 2014)
Jaringan keluli tahan karat	Pelepasan MFC	-	12.0	(Zhu & Logan 2014)
Keluli tahan karat	Tanah	35.0	-	(Pocaznoi et al. 2012)
